

Penghargaan besar buat Sasterawan Negara

SHAH ALAM - Sasterawan Negara menyifatkan pemberian eluan penghargaan bulanan sebanyak RM5,000 sebagai menghargai sumbangan mereka menaikkan martabat bahasa Melayu dalam perkembangan kesusastraan tanah air selama ini.

Salah seorang penerima, **Datuk Dr Zurinah Hassan** berkata, eluan itu umparma bantuan sara hidup buat beliau yang selama ini hanya bergantung kepada hasil karyanya.

"Kita nak buat buku bukan kerja satu malam boleh siap. Boleh jadi tiga atau empat tahun baru buku boleh dipasarkan.

"Lagipun saya bukan bekerja seperti orang lain yang ada gaji setiap bulan. Jadi eluan ini besar rahmatnya. Perjuangan saya terhadap kesusastraan tanah air tidak akan terhenti," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Sementara itu, **Datuk Seri Dr A Samad Said** pula berkata, mereka tidak menangka diberi penghargaan yang begitu munasabah.

"Yang penting, tentu-



Guan Eng (dua dari kiri) menyerahkan cek kepada A Samad Said (dua dari kanan) pada majlis penyerahan cek eluan sara hidup kepada Sasterawan Negara di Putrajaya kelmarin.

nya Kementerian Kewangan sendiri mengharapkan wang ini tidak mematikan kita sebagai sasterawan malah menumbuhkan (sumbangan kepada negara)," katanya.

Datuk Dr Baharuddin Zainal pula berkata, eluan bulanan itu mengiktiraf pentingnya bahasa Melayu dan kesusastraan Melayu di Malaysia.

"Ini satu langkah yang simbolik dan nyata bukan sahaja menghargai sasterawan tetapi ini satu pengakuan betapa pentingnya bahasa dan kesusastraan bahasa Melayu," katanya.

Kelmarin, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM5,000 sebulan seorang kepada Kementerian Pendidikan untuk pembiayaan eluan sara hidup buat tujuh Sasterawan Negara yang bermulai bulan ini.

Empat lagi Sasterawan Negara yang menerima eluan tersebut ialah Professor Emeritus Dr Muhammad Salleh, Datuk Noordin Hassan, Datuk Dr Mohd Anuar Rethwan dan Datuk Dr Ahmad Khamal Abdulrahman.